

01/11/1998

Dimensi baru teknologi maklumat

AKTA Komunikasi dan Multimedia 1998 yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru, berfungsi mengintegrasikan semua aktiviti di bawah undang-undang siber. Bagaimanapun, kesan penting dan jelas daripada akta ini ialah pemansuhan Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988. Berikutan pemansuhan itu, secara tidak langsung mengubah beberapa bahagian fungsi dua kementerian iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Penerangan. Akta ini menjadikan Malaysia satu-satunya negara melaksanakan perubahan struktur undang-undang secara menyeluruh ke arah percantuman tiga sektor penting dalam teknologi maklumat iaitu telekomunikasi, penyiaran dan komputer.

Sebagaimana diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, mulai hari ini semua perkara berhubung teknologi maklumat (IT) dikendalikan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang diterajui oleh Datuk Leo Moggie. Kementerian itu juga mengambil alih semua fungsi berkaitan dasar dan kawal selia bidang penyiaran Kementerian Penerangan.

Dengan pengumuman itu, tidak timbul lagi soal pembubaran kementerian sedia ada dan siapa harus menerajui kementerian baru itu. Sebelum ini, ramai menyatakan wujud pertindanan jika Kementerian Multimedia ditubuhkan. Ada yang mencadangkan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Penerangan dibubarkan saja jika Kementerian Multimedia ditubuhkan. Tidak kurang pula menjangkakan Kementerian Multimedia akan mengambil beberapa fungsi tugas Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dirangkum dan dijadikan bidang tugas kementerian baru itu. Hakikatnya tidak ada kementerian lama dibubarkan atau yang baru diwujudkan tetapi ditukarkan nama manakala tambahan fungsi kerja diberikan dari segi kuasa dan kawalan yang dipindahkan kepada kementerian berkenaan.

Sebenarnya tidak banyak negara begitu serius seperti Malaysia yang sanggup menubuhkan satu kementerian yang berfungsi khusus menjaga hal ehwal multimedia dan IT. Apapun, bukan juga satu perkara yang asing menubuh atau membubarkan sesuatu kementerian kerana ini pernah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Bagaimanapun langkah mengekalkan Kementerian Penerangan dianggap wajar untuk membolehkan fungsinya dalam aspek penyiaran awam terus dimanfaatkan dalam era kepesatan IT dan multimedia sekarang. Lagipun, Kementerian Penerangan menerusi beberapa jabatannya terutama Jabatan Penerangan masih diperlukan sebagai jentera utama mendekati masyarakat dan menyebarkan maklumat kerajaan. Kementerian itu juga masih berfungsi menguruskan pelbagai program sebagai pemangkin kepada meningkatkan keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini.

Namun yang lebih penting, penggubalan akta baru itu dan wujudnya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan membolehkan kita menjadi pendahulu dalam bidang berkenaan dan bukan sekadar pengikut yang tahu mengguna produk luar. Ia juga dapat menjamin percambahan IT secara sihat di samping membanteras sebarang bentuk penyelewengan seperti pengklonan, perlanggaran hak cipta dan penipuan oleh mereka mempunyai kepintaran teknologi tinggi. Manakala menerusi kementerian yang diamanahkan itu, Malaysia akan muncul sebagai negara pelopor dalam melaksanakan struktur dasar yang menyeluruh bagi menangani proses percantuman sektor telekomunikasi, komputer dan penyiaran.

Kita sangat berharap dengan kementerian dan akta ini yang mengintegrasikan semua aktiviti siber, setiap lapisan rakyat lebih sedar akan tanggungjawab

mereka untuk merealisasikan cita-cita murni itu dan menyetepikan soal lain yang membantutkan pelaksanaan projek IT. Antara langkah diambil bagi mencapai hasrat ini ialah penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), kerajaan elektronik atau tanpa mengguna kertas, Universiti Multimedia dan pembinaan sekolah bestari.

Perkembangan pesat IT memberi kesempatan negara muncul sebagai sebuah pusat komunikasi terkemuka di rantau ini di samping menentukan rakyat Malaysia sentiasa terkedepan sebagai masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan tinggi. Namun, apa yang terpenting, masyarakat tidak hanya tertarik untuk melihat, merasa dan mendengar saja mengenai dunia siber tanpa merasai serapan bahang manfaat sebenar teknologi itu. Rakyat tidak ada pilihan lain sebaliknya turut serta kerana arus perubahan arus perdana IT semakin kuat. Ia semakin banyak mengubah cara manusia berkomunikasi, berpendidikan, berniaga, berpolitik mahupun bersosial.

(END)